



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

## SIARAN MEDIA

### **MAJLIS AMANAT PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KE-18 (MAPPA XVIII)**

---

**Putrajaya** – Bertemakan “Penjawat Awam Tonggak Aspirasi Keluarga Malaysia”, YAB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri hari ini menyampaikan amanat kepada anggota perkhidmatan awam sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-18 (MAPPA XVIII) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

MAPPA yang dianjurkan sejak tahun 2000 merupakan platform utama bagi YAB Perdana Menteri untuk menyampaikan amanat kepada semua penjawat awam yang terdiri daripada pelbagai perkhidmatan di peringkat persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan serta Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

Pada majlis yang sama, YAB Perdana Menteri turut melancarkan buku “Dasar-Dasar Negara (Jilid 3)” dan “Keluarga Malaysia: Manfaat untuk Rakyat”. Kedua-dua buku terbitan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) ini merupakan salah satu inisiatif menyebarkan dasar-dasar kerajaan serta meningkatkan kefahaman dan kesedaran rakyat mengenai konsep Keluarga Malaysia.

Hadir sama, ialah ahli-ahli Jemaah Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Timbalan-timbalan Menteri, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, Setiausaha-

Setiausaha Kerajaan Negeri dan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

MAPPA XVIII anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ini telah dihadiri lebih 4,000 penjawat awam secara fizikal dan 10,000 secara dalam talian menerusi siaran langsung Radio Televisyen Malaysia (RTM), *Facebook* JPA dan INTAN.

**####**

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 30 Ogos 2022  
E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (39)